

IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI MALAYSIA  
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051  
(KPPV)  
Email: pro@dvs.gov.my



**KENYATAAN KETUA PENGARAH**  
**BERHUBUNG BEKALAN DAGING AYAM DAN DAGING**  
**LEMBU/KERBAU SEMASA MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI TAHUN**  
**2016**

1. Kenyataan ini bertujuan bagi menjelaskan status bekalan ayam dan juga daging dan harga pasarannya di musim perayaan Aidilfitri 2016.

**Status Bekalan Ayam**


2. Jabatan memaklumkan bahawa bekalan ayam di musim perayaan Aidilfitri tahun 2016 adalah mencukupi. Pengeluaran ayam mingguan pada bulan Mei (bulan biasa) ialah 13.02 juta ekor. Ianya meningkat kepada 13.41 juta ekor pada bulan Jun (bulan puasa) dan 13.78 juta ekor pada bulan Julai (bulan perayaan). Pengeluaran ayam pedaging mingguan dan harian untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2016 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Pengeluaran ayam mingguan dan harian untuk bulan Mei-Julai 2016 (Juta ekor)

| Bulan | Purata Pengeluaran Mingguan (juta ekor) | Purata Pengeluaran Harian (juta ekor) | Catatan      |
|-------|-----------------------------------------|---------------------------------------|--------------|
| Mei   | 13.02                                   | 1.86                                  | Bulan biasa  |
| Jun   | 13.41                                   | 1.91                                  | Bulan Puasa  |
| Julai | 13.78                                   | 1.97                                  | Bulan Raya   |
| Julai | 13.77                                   | 1.96                                  | Selepas Raya |

3. Walaupun terdapat beberapa faktor seperti penurunan harga harga minyak dunia dan nilai ringgit, pengeluaran ayam dimusim perayaan adalah setabil dengan peningkatan yang konsisten berbanding sbelum musim perayaan. Pada 2016, pengeluaran mingguan semasa perayaan ialah sebanyak 13.78 juta ekor cuma meningkat sebanyak 0.14 juta ekor (dari 13.64 juta ekor) pada tahun 2015. Ianya meningkat 0.58 juta ekor (dari 13.20 juta ekor) dari musim perayaan 2014 (Rajah 1).

**RAJAH 1: TREN PENGELUARAN AYAM PEDAGING  
PADA HARI RAYA PUASA TAHUN 2010 HINGGA 2016  
(JUTA EKOR)**



4. Ayam daging yang berada dipasaran dirancang pengeluarannya sejak 60 hari lebih awal. Ia melibatkan dua peringkat;
- Penetasan telur – telur ayam bernas dieram dan ditetaskan di ladang penetas (hatchery), menghasilkan anak ayam berumur satu hari (day old chick, DOC) dan ia mengambil masa 21 hari.
  - Pemeliharaan ayam pedaging – DOC dipelihara oleh ladang-ladang ayam pedaging (broiler farms), menghasilkan ayam

pedaging seberat 2 kilogram dengan tempoh pemeliharaan selama 40 hari, sebelum bersedia untuk dipasarkan.

5. Harga pasaran ayam daging dimusim perayaan dikawal oleh KPDNKK. Jabatan memberi input didalam penetapan harga tersebut. Namun begitu Jabatan dan Industri Ayam berunding didalam penetapan harga ex-farm ayam yang turut menyumbang kepada . Struktur harga ayam dinyatakan seperti Jadual 2.

Jadual 2: Harga ayam hidup di ladang dan harga runcit daging ayam  
April – Julai 2016 (RM/kg)

| BULAN | TARIKH        | DOC<br>(RM/ekor) | EX-<br>FARM<br>(RM/kg) | STANDARD<br>(RM/kg) | SUPER<br>(RM/kg) |
|-------|---------------|------------------|------------------------|---------------------|------------------|
| April | 1-Apr-16      | 1.50             | 4.60                   | 7.08                | 7.93             |
|       | 8-Apr-16      | 1.50             | 4.60                   | 7.08                | 7.93             |
|       | 15-Apr-16     | 1.50             | 4.60                   | 7.08                | 7.93             |
|       | 22-Apr-16     | 1.50             | 4.00                   | 6.37                | 7.14             |
|       | 29-Apr-16     | 1.40             | 4.50                   | 6.96                | 7.80             |
| Mei   | 6-May-16      | 1.60             | 4.50                   | 6.96                | 7.80             |
|       | 13-May-16     | 1.60             | 4.50                   | 6.96                | 7.80             |
|       | 20-May-16     | 1.60             | 4.50                   | 6.96                | 7.80             |
|       | 27-May-16     | 1.60             | 4.50                   | 6.96                | 7.80             |
| Jun   | 3-Jun-16      | 1.60             | 4.50                   | 6.96                | 7.80             |
|       | 10-Jun-16     | 2.10             | 5.50                   | 8.14                | 9.12             |
| Julai | 1-15<br>Julai | 2.10             | 5.60                   | 8.50                | <10.00           |

## Status Bekalan Daging

6. Keperluan daging dimusim perayaan ini juga mencukupi. Keperluan daging diperolehi dari dua sumber. Penyembelihan lembu tempatan dan lembu hidup yang diimport untuk penyembelihan bagi penghasilan lembu segar dan pengimportan daging lembu dan daging kerbau sejuk beku.
7. Bagi keperluan daging lembu segar, jumlah lembu yang berada dikalangan penternak dan bersedia untuk penyembelihan sepanjang musim perayaan ini adalah sebanyak 53,633 ekor (Jadual 3)

Jadual 3: Bilangan lembu (ekor) untuk penyembelihan dimusim perayaan Aidilfitri 2016

| Sumber lembu                              | April  | Mei    | Jumlah |
|-------------------------------------------|--------|--------|--------|
| Bilangan lembu tempatan                   | 19,600 | 19,600 | 39,200 |
| Bilangan lembu import untuk penyembelihan | 1,491  | 12,942 | 14,433 |
| Jumlah                                    | 21,091 | 32,542 | 53,633 |

8. Lembu-lembu yang disembelih akan menghasilkan daging segar. Disamping itu daging import juga menampung keperluan sepanjang musim perayaan. Jumlah daging yang diimport sepanjang bulan April - Mei 2016, adalah seperti Jadual 4.

Jadual 4. Kuantiti daging (MT) mengikut sumbernya, April-Jun 2016

| Sumber daging              | April  | Mei    | Jumlah |
|----------------------------|--------|--------|--------|
| Daging segar tempatan      | 3,048  | 4,702  | 7,750  |
| Daging lembu/kerbau import | 14,338 | 11,174 | 25,512 |
| Jumlah                     | 17,386 | 15,876 | 33,262 |

9. Seperti juga halnya dengan daging ayam, harga daging dimusim perayaan ditetapkan dan dikawal oleh KPDNKK. Jabatan memberikan input kepada KPDNKK. Harga daging lembu yang telah ditetapkan pada musim perayaan Aidilfitri 2016 adalah seperti Jadual 5.

Jadual 5. Harga pasaran daging pada musim perayaan (RM)

| Jenis daging                    | Jun   | Julai |
|---------------------------------|-------|-------|
| Daging segar tempatan           | 30.00 | 30.00 |
| Daging kerbau sejuk beku import | 17.00 | 17.00 |

## Rumusan

10. Sebagai rumusan, bekalan daging ayam dan daging lembu dimusim perayaan Aidilfitri tahun ini adalah mencukupi. Harga yang telah ditetapkan adalah tidak banyak berbeza dari harga semasa diluar musim perayaan.